

Goh Cheng Teik,

The May Thirteenth Incident and Democracy in Malaysia,
Oxford in Asia Current Affairs, Kuala Lumpur, 1971, ms. 84.
\$ 5.00 (Wang Malaysia).

Buku '*The May Thirteenth Incident and Democracy in Malaysia*', sebal 76 halaman, dichetak oleh Oxford University Press, 1971, ditulis oleh Drs. Goh Cheng Teik. Beliau adalah seorang pensharah di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

Drs. Goh Cheng Teik, dalam menulis buku ini, kalau dipetik kata2 penerbit, bertujuan, '*to examine the various factors that went into their (May thirteenth riots) making and to consider their possible effects on the future of democratic government in Malaysia*'. Dan dalam kajian beliau itu beliau telah berjaya mendapat petunjuk bahwa UMNOlah yang menjadi faktor terpenting meletusnya 13 Mei itu. Saya petik kesimpulan penerbit mengenai ini.

".... the 1969 General Election results brought about a crisis of confidence: doubts arose within the United Malay [S?] National Organisation – the senior partner in the Alliance Party, which was returned to power with a reduced majority about the ability of parliamentary democracy to safeguard the rights of the indigenous people. This sense of anxiety, coupled with high tension generated by the election itself, led to an overflow of racial emotion, which resulted in the May Thirteenth riots in Kuala Lumpur."

Mula2 dalam Bab 1 pengarang menjelaskan beberapa unsur demokrasi dan tentang bagaimana negeri yang dapat dianggap demokratis. Menurut beliau ianya harus memenuhi dua sharat, '*firstly its authority is derived from the people and secondly, its power is exercised with restraint.*' (hal. 2). Ditunjukkannya di Malaysia sejak 1955 (pada masa itu Malaya) perjalanan demokrasi baik. Hanya orang2 yang terpilih dalam pilihanraya dibenarkan memegang sebarang jawatan. Biarpun begitu buat beliau terdapat '*irregularity*' tetapi '*irregularity*' seumpama itu hanya berlaku dalam masa dharurat. Perlantikan Dato Rahman Ya'akub dan Taib Mahmud sebagai menteri sebelum mendapat 'mandat rakyat diambil sebagai bukti. (lihat hal 3, baris 16-22).

Dalam hal parti pembangkang pula penulis berpendapat telah tidak dapat hidup subur kerana, '*Firstly there existed a self-imposed censorship*

of the press. Secondly, the threat of detention was always present. (hal.6). Untuk sebab yang kedua penulis menunjukkan beberapa orang tokoh dari Parti Rakyat, Parti Islam se Tanah Melayu, Parti Buruh Tanah Melayu dan Parti Rakyat Sarawak Bersatu (SUPP) telah ditahan dalam tahun2 1960an. (Untuk nama2 lihat hal 6. Perhatikan tokoh2 Melayu lebih ramai disebutkan.)

Dalam perlaksanaan demokrasi penulis membawa dua peristiwa dimana, ‘*the top Alliance leaders used their massive strength in Parliament in a seemingly authoritarian manner.*’ (hal. 7). Kali pertama dalam bulan Ogos, 1965 bila, ‘*the Alliance Chief, Tengku Abdul Rahman consulted only four party colleagues . . .*’ (hal. 7). sebelum mengeluarkan ‘Bill’ kedalam Parlimen yang memberikan pemisahan Singapura dari Malaysia. Dan kali keduanya dalam bulan September, 1966, bila, ‘*the Alliance Government utilized its over-two-thirds majority in Parliament to amend a state constitution and achieve a political end.*’ (hal. 7)

Dari analisa penulis didalam bab ini dapatlah kita buatkan gambaran demokrasi yang bagaimana yang sebenarnya wujud di Malaysia, satu gambaran yang diharapkan oleh penulis akan dipahami oleh pembaca2. Satu gambaran demokrasi yang dipengaruhi oleh beberapa tokoh sahaja.

Dalam Bab 2, ‘*The Crisis of Confidence*’, penulis membicharakan tentang mulanya timbul babit kehilangan keperchayaan terhadap demokrasi Bagi penulis yang hilang keyakinan terhadap itu ialah UMNO. Dan dari sinilah tumbuhnya ketidakpuasan hati dan kechurigaan yang membawa kepada terchetusnya peristiwa 13 Mei. Krisis keyakinan ini bagi penulis bermula pada 10hb. Mei, 1969 (lihat hal. 9).

Penulis menegaskan selepas penubuhan Malaysia kuasa UMNO ‘*remained steady and steadfast.*’ Kekuatan ini dibuktikan oleh keputusan pilihanraya 1964. Kemenangan ini memberikan **keyakinan kemenangan yang serupa dalam tahun 1969** sehingga ‘*made both (UMNO & MCA) unprepared psychologically for anything but another big victory in 1969.*’ Penulis mau menyarankan bahan keputusan pilihanraya 1969 memberikan tamparan yang begitu hebat sehingga UMNO tidak dapat menerima kenyataan itu. Sehingga UMNO dan penyokong2nya merasakan bahwa kuasa politik telah bertukar tangan, *i) from the Alliance side to the Opposition parties and ii) from the Malay race to the immigrant minorities.*’ (hal. 13). Penulis memberikan implikasi bahawa orang2 Melayu begitu terasa akan hal diatas kerana biarpun ‘*PAS (exclusively with Muslim membership) enlarged its state representation . . . However, this increase was seen as having been dwarfed by the enormous gains of the immigrant parties in Penang, Perak and Selangor.*’ (hal. 13.) Untuk

menguatkan hujahnya penulis membuat petikan dari akhbar Utusan Melayu dan dokumen yang diharamkan untuk menunjukkan bagaimana orang2 Melayu begitu sekali kechiwa dengan keputusan Pilihanraya 1969. (hal. 16-17).

Penulis patut sangat diberi pujian kerana demikian pintar menyusun kata dan peristiwa sehingga melihatkan kepada kita yang Melayu benar2 kechiwa sehingga menunjukkan pendapat,

'... to consolidate UMNO's grip on the Malay votes in the Malayan states through an alliance with PAS and/or government measures to win back lost votes and secondly, to abandon democracy entirely and retain power in indigenous hands through extra-democratic processes.' (hal. 18). Demikianlah suasana mengikut pendapat penulis selepas pilihanraya 1969, menjelang peristiwa 13 Mei Satu suasana retak menanti belah.

Penulis telah berjaya mendapat petunjuk baru, melalui kajian beliau yang ilmiah, bahawa UMNOlah yang bertanggungjawab terhadap meletusnya peristiwa 13 mei

Dalam Bab 3, '*The Thirteenth*', penulis membicharkan tentang peristiwa itu sendiri Dari kajian beliau (untuk melihat punch2 kajianya sila lihat bahagian 'Acknowledgements' diawal bukunya) peristiwa 13 Mei bukanlah bermula di Setapak ('Trajadi 13 Mei', satu laporan Majlis Gerakan Negara menyatakan bahawa pergaduhan bermula di Setapak dan khabar pergaduhan itu telah menchetuskan peristiwa yang sama di Kampung Baharu. Lihat hal. 55, edisi Jawi) tetapi, '*The mass violence broke out within the vicinity of the Selangor Menteri Besar's house at about 6.00 p.m. on 13 May, approximately sixty hours after the last result in the state of Selangor was declared.*' (hal. 18).

Mengapakah penulis memberikan tempat baru dimana bermulanya peristiwa 13 Mei? Pembacha akan dapat mengesan jawapannya jika membacha karya ilmiah Drs. Goh Cheng Teik ini

Dalam halaman yang sama lihat apa kata penulis mengenai kemarahan UMNO '*vanted on the Chinese and Indians in the state for deserting the Alliance Party . . . and consequently placing the UMNO-led state government of Selangor in jeopardy.*'

Penulis juga ingin menyampaikan kepada pembacha bahawa peristiwa 13 Mei itu telah meletus diluar dugaan setengah2 golongan. Penulis mau menunjukkan kepada pembacha golongan tersebut telah terperangkap se secara mengejut dan ini menidakkan kenyataan. Lihat apa kata Penolong Penguasa Polis, Sivanathan, . . . 'Saya pergi dengan berjalan kaki arah

kepekan Setapak untuk menchari isteri saya Ketika sampai Jalan Pahang kelihatan lebih kurang lapan puluh orang (kira2 lima puluh orang China dan tiga puluh India) bersenjatakan parang, besi paip dan kayu. Mereka semua menghadap kepekan Setapak.' (lihat Lapuran NOC hal 51.)

Mengapakah mereka (orang2 bukan Melayu) telah siap sedia dengan parang, besi paip dan kayu . . . ?

Apakah ini tidak membuktikan bahawa golongan yang didakwa tidak tau menau itu telah lebih dari tau. Telah awal2 membuat persediaan.

Dalam butiran peristiwa yang membawa kepada meletusnya peristiwa 13 Mei. itu penulis telah sechara bijak dan lichin menyeret Dato' Harun sama terlibat. (Sila lihat halaman 18-24, dan chuba selami implikasinya.)

Perhatikan ayat2 yang dipetik untuk menyataan diatas Dato' Harun bin Idris, *the state UMNO chief and incumbent Menteri Besar tried to persuade GERA KAN . . . This invitation was rejected by Dr. Tan Chee Khoon . . . The other option open to Dato' Harun was to held a fresh election, Dato' Harun probably felt that the risk of further lesses was considerable. Hal. 19.*

. . . . the slogan shouted at the processions registered vigorous reaction among Dato' Harun's supporters in particular . . . hal. 21.

. . . . Dato Harun was immensely popular in Kampong Bahru and he had great rapport with its UMNO youths. He himself had given up a secure, comfortable job as the state legal advisor in 1964 to enter politics and had, as a consequence, a big personal stake in UMNO's continuation in power in Selangor. (hal. 24).

Dapatkah penulis dianggap berlaku adil dalam mengemukakan hasil kajian beliau bila beliau membuat petikan2 yang hanya boleh digunakan untuk tujuan penulisannya. Penulis memetik kata2 luchah dan bongkak yang telah dilafaskan oleh penyokong2 parti DAP dan GERA KAN, dari lapuran NOC, tetapi sechara halus dikatakan bahwa, '*(several of which were recorded by Malay eye-witnesses and published by NOC)*', dan tidak dinyatakan oleh penulis saksi bukan Melayu memberikan kenyataan yang serupa (lihat 'Trajadi 13 Mei, Mageran, edisi Jawi, hal. 38-39).

Dalam peristiwa yang berlaku di Kampong Bahru penulis telah menunjukkan peranan besar yang dimainkan oleh '*the specially-trained campaign workers*', Pemuda Tahan Lasak. (Lihat hal 21.) Penulis sedar yang pemuda2 ini telah digunakan oleh UMNO untuk chuba mempengaruhi orang ramai dengan apa chara sekalipun supaya menyokong kerajaan dalam pilihanraya 1969. Tetapi ini tidak digunakan oleh penulis sebagai bukti **bawha UMNO tidak pernah berasa yakin akan kemenangan yang besar dalam pilihanraya tersebut.**

Kalau sudah mempunyai keyakinan akan menang tentu sekali chara dan tektik yang serupa itu yang kadang2 diluar perikemanusiaan itu tidak digunakan.

Penulis chuba menyarankan kepada pembacha bahawa pengikut2 parti pembangkang tidak dapat dipersalahkan kerana.

'both DAP and GERAKAN were newcomers to the political scene. Dr. Tan Chee Khoon and V. David were established figures in Kuala Lumpur but virtually all the rest were raw, even youthful politicians, the supporters of both DAP and GERAKAN were drawn largely from aggrieved communities. (hal. 24).

Dan kalau mereka tidak dapat dipersalahkan, siapakah yang patut dipersalahkan? Ini dijawab sejara bijak oleh penulis dalam bukunya, dan disusun sejara lichin dari bab ke bab.

Untuk menyampaikan kesan dan messej sejara lebih efektif penulis sejara disengajakan telah menggunakan istilah ‘amok’ untuk rusuhan2 yang berlaku disekitar Kuala Lumpur. Istilah yang tidak pérnah digunakan oleh siapa2 pun sebelum beliau. Anihnya, mengapakah disini digunakan perkataan Melayu.

Bagi saya tidak lain lagi tujuannya selain dari mau memberikan penerangan bahwa UMNOlah yang penuh bertanggungjawab atas peristiwa 13 Mei itu

Dalam bab2 berikutnya Drs. Goh Cheng Teik telah memberikan penganalisaan yang kritis tentang peranan yang dimainkan oleh tokoh2 seperti Tengku Abdul Rahman, Tun Abd. Razak, Tun Dr. Ismail, Tan Sri T.H. Tan, Kam Woon Wah, Tun Tan Siew Sin, Dato Rahman Ya'akub, ‘UMNO ultras’ Dr. Mahathir bin Muhammad, Musa Hitam, Jaafar Albar, Syed Nasir Ismail dalam usaha2 mengembalikan ketenteraman dan memulihkan keadaan selepas ‘amok’ 13 Mei tersebut.

Saya turunkan beberapa petikan yang pada pendapat saya mewakili pendapat penulis dalam mengemukakan kebanyakan dari tokoh2 diatas, untuk tujuan yang tertentu.

. . . . Dato Rahman Ya'akuib, who was rapidly emerging as the new focus of enthusiasm for the hard-liners, abstained from open Ironically enough, the Tengku's resurgence was greatly assisted by a 'New Educational Policy' announced by the Rahman Ya'acub without the Tengku's knowledge or authorization.'

Dalam hal ‘New Educational Policy’ ini sebenarnya ia bukan lagi merupakan satu2 yang baru. Bahkan ianya adalah satu polisi yang

lama. Satu polisi yang sepatutnya telah dilaksanakan dalam tahun 1961, sebagaimana yang ditetapkan oleh Lapuran Rahman Talib.

Dan bagi Dato' Rahman ialah menjalankan satu dasar yang sepatutnya telah lama dilaksanakan. Dan perkara ini perlu apa diminta kebenaran?

Dalam hal ini timbul satu persoalan, apakah penulis tidak mengerti akan hakikat dan kenyataan yang sebenar, atau apakah beliau sengaja tidak mau mengerti?

Apa yang mau disampaikan oleh Drs. Goh Cheng Teik bukanlah apa yang tersurat semata2 tetapi apa yang tersirat. Dalam hal ini saya menganggap beliau sungguh berjaya. Ini tentu sekali tidak menghairankan kerana beliau adalah seorang tokoh akademik yang berkelibar besar yang tidak boleh diperkecilkan dan tidak patut dipandang sepi. Dan saya berpendapat beliau telah berjaya mengemukakan satu pendapat dan analisa baru mengenai trajidi negara 1969, kontra dengan apa yang pernah dikemukakan tetapi berlawanan pula dengan kenyataan.

Mohd. Idris Jusi
Pelajar Tahun II
Universiti Kebangsaan Malaysia